

Pasukan Bola Jaring UMS juara

UM 13-6-2013 26

KOTA KINABALU 12 Jun - Pasukan Bola Jaring UMS muncul juara Kejohanan Bola Jaring Terbuka yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini baru-baru ini.

Kejohanan tersebut yang dianjurkan oleh Kelab Kokurikulum (Kokum) Bola Jaring semester dua itu telah disertai empat pasukan yang terdiri daripada pelajar dan kaki tangan universiti itu.

Pasukan Bola Jaring UMS pada awalnya menundukkan pasukan MASCOM dengan jaringan 18-1 disusuli dengan kemenangan 14-1 ke atas Pasukan Kokum sebelum menewaskan pasukan G-United dengan jaringan 14-3.

Dengan corak permainan bertenaga membolehkan pasukan UMS yang majoritinya dibarisi oleh pelajar Sains Sukan dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Naib juara pula disandang oleh pasukan Kokum manakala tempat ketiga jatuh ke tangan Pasukan G-United. Kesemua pasukan menerima pingat, hamper dan sijil.

Dalam pada itu, jurulatih kokurikulum bola jaring UMS, Fauziah Janau berpuas hati dengan kelancaran program yang dianjurkan oleh pelajar Sains Sukan.

Beliau berkata, ia merupakan persiapan penting dalam meningkatkan kemahiran insaniah untuk menjadi bekalan apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

Bagi pengarah kejohanan itu, Nurul Ashikin Razak berkata, kejayaan ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus mengendalikan kejohanan tersebut sedikit sebanyak memberi mereka pengalaman mengajurkan sesuatu kejohanan.

Menurutnya, melalui pengalaman yang diperoleh, pastinya amat berguna untuk diterapkan dalam



PASUKAN Bola Jaring UMS muncul juara Kejohanan Bola Jaring Terbuka di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

kehidupan khususnya dalam mendepani masa depan yang lebih menantang.

"Kejohanan bola jaring terbuka ini dijalankan pada akhir setiap semester pengajaran di UMS," katanya.

Katanya, kejohanan itu bertujuan untuk menggalakkan mahasiswa

membudayakan bersukan sebagai amalan gaya hidup sihat selain menjadi landasan untuk mencungkil bakat baharu pelajar yang boleh diketengahkan dalam pelbagai kejohanan seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Sukan Universiti.